

## KESEJAHTERAAN KELUARGA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: KAJIAN KUALITATIF

### Family Wellbeing According to Islamic Perspective: A Qualitative Study

Ahmad Hariri Mohd Saat<sup>1</sup>  
Raihanah Azahari<sup>2</sup>

#### ABSTRACT

*This study focused on the factors leading to a happily married life. Three married couples who have been awarded mithali and mawaddah family were chosen as samples using purposive sampling method. In depth-structured interviews were conducted to investigate their experience of being happily married and what factors they think are important to be happily married until they are awarded mithali family (until they were given mithali family award). The interview data were then analyzed strictly according to the themes that have been determined along with the evidence from the interviews conducted. Thirteen categories that emerged after coding the data were religiosity, compromise and commitment, marital satisfaction, wise conflict resolution, good communication, presence of children in the marriage, economic status, positivity in the relationship, respect, trust, understanding, lovingness and no mistreatment involved in the relationship. This study has important implications for married couples, counsellors*

<sup>1</sup> Syarie Judge, Tanah Merah Syariah Subordinate Court, Kelantan, hariri@esyariah.gov.my

<sup>2</sup> Associate Professor, Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur, raihan@um.edu.my

*and those directly involved in drafting the Family Wellbeing Index at the Ministry of Women, Family and Community Development.*

**Keywords:** family, wellbeing, marital satisfaction, religiosity, mithali

## PENGENALAN

Perkahwinan yang bahagia dan keluarga yang utuh berkongsi kualiti yang sama. Sesebuah keluarga tidak akan bahagia tanpa perkahwinan yang berjaya.<sup>3</sup> Perkahwinan yang berjaya apabila keluarga tersebut menjadi lebih bersatu, lebih penyayang dan dapat hidup bersama dengan baik.<sup>4</sup> Agak sukar untuk menentukan maksud kebahagiaan atau kesejahteraan yang sebenarnya, kerana ia adalah suatu yang subjektif, dan ia bergantung kepada individu berkenaan. Walau bagaimanapun, kebanyakannya daripada kajian terdahulu telah menggariskan faktor-faktor yang menyumbang kepada kebahagiaan keluarga.<sup>5</sup> Hasniza Che Noh dan Fatimah Yussoff<sup>6</sup> menjelaskan bahawa faktor yang menyumbang kepada perkahwinan dan keluarga yang kukuh dan bahagia, adalah kerana wujudnya komunikasi yang berkesan. Komunikasi didapati menjadi kaedah utama yang digunakan untuk meningkatkan persahabatan, kepercayaan, cinta, dan komitmen pasangan. Melalui proses komunikasi yang berkesan pasangan dapat menyatakan keinginan, harapan dan juga keperluan untuk dipenuhi.

Ilene Wolcott<sup>7</sup> pula menjelaskan bahawa terdapat beberapa aspek yang akan memberi kesan kepada perkahwinan yang bahagia dan berkekalan. Antaranya wujud sifat saling menghormati dan perasaan dihargai, kepercayaan dan kesetiaan, hubungan seksual yang baik, adanya kasih sayang dan komitmen.<sup>8</sup> Selain itu saling menjaga hubungan sesama pasangan, tiada ciri-

<sup>3</sup> Bradbury, Thomas N., ‘Assessing the Four Fundamental Domains of Marriage,’ *An Interdisciplinary Journal of Applied Family Studies*, vol. 44/4 (1995): 459-468.

<sup>4</sup> Siti Marziah Zakaria, *Raihlah Bahagia* (Selangor: Dasar Cetak (M) Sdn Bhd, 2011), 1-16.

<sup>5</sup> V. William Harris, Linda Skogrand & Daniel Hatch, ‘Role of Friendship, Trust, and Love in Strong Latino Marriages,’ *Marriage & Family Review*, vol. 44/4 (2008): 455-488.

<sup>6</sup> Hasniza Che Noh & Fatimah Yussoff, ‘Corak Komunikasi dalam Keluarga,’ *Jurnal Hadhari*, vol. 3/2 (2011): 45-62.

<sup>7</sup> Wolcott, Ilene, ‘Strong Families and Satisfying Marriages: A Review of the Literature,’ *Family Matters*, vol. 53, Winter (1999): 21-30.

<sup>8</sup> Wolcott, Ilene, ‘Strong Families and Satisfying Marriages: A Review of the Literature,’ 21-30.

ciri penganiayaan,<sup>9</sup> dan kelahiran anak-anak dalam perkahwinan adalah juga antara aspek yang akan memberi kesan kepada kualiti perkahwinan secara umumnya.<sup>10</sup>

Beberapa penyelidikan yang dilakukan juga secara konsisten mengaitkan sumber ekonomi dengan faktor kestabilan dan kebahagian dalam perkahwinan. Kajian Senik, Claudia, Holger Stichnoth, dan Cahit Guven,<sup>11</sup> Fatima, Maria, dan M. Asir Ajmal<sup>12</sup> menunjukkan bahawa status ekonomi antara faktor penting kestabilan perkahwinan, kerana status ekonomi yang stabil mampu mengurangkan tekanan dalam perkahwinan. Rata-rata kajian menunjukkan pasangan yang status sosio-ekonominya lebih tinggi mempunyai perkahwinan yang lebih stabil berbanding dengan pasangan yang status sosio-ekonominya lebih rendah.

Islam menetapkan kemampuan suami menanggung nafkah sebagai sebagai aspek penting dalam suatu perkahwinan.<sup>13</sup> Ini kerana kemampuan menanggung nafkah mempunyai pengaruh dan fungsi yang sangat besar dalam membina keluarga yang bahagia, tenteram dan sejahtera. Ketidakmampuan menanggung nafkah atau pemberian nafkah yang tidak mencukupi dapat menimbulkan krisis perkahwinan yang mungkin berakhir dengan perceraian.<sup>14</sup>

<sup>9</sup> Fatima, M. & Ajmal, M. A., ‘Happy Marriage: A Qualitative Study,’ *Pakistan Journal of Social and Clinical Psychology*, vol. 9/2 (2012): 37-42.

<sup>10</sup> Polomeno, Viola, ‘Marriage, Parenthood, and Divorce: Understanding the Past as We Move into the Future,’ *International Journal of Childbirth Education*, vol. 22/3 (2007): 13-19.

<sup>11</sup> Guven, Cahit, Senik, Claudia & Stichnoth, Holger, ‘You can’t be happier than your wife: Happiness Gaps and Divorce,’ *Journal of Economic Behavior & Organization*, vol. 82/1 (2012): 110-130.

<sup>12</sup> Fatima, M. & Ajmal, M. A., ‘Happy Marriage: A Qualitative Study,’ 37-42.

<sup>13</sup> Ibn Taymiyah, *Aḥkām al-Zawāj* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988), 281-282; Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa al-Nihāyah al-Muqtashid*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Jayl, 1989), 513.

<sup>14</sup> Mariam Majid & Mohammad Syafirul, ‘Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya,’ *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, vol. 4/2 (2017), 285-303; Siti Halimah Putung & Raihanah Azahari, ‘Kepemimpinan Suami dalam Perspektif Islam: Fungsi dalam Memperkuatkan Institusi Keluarga,’ *Jurnal Syariah*, vol. 28/2 (2020): 127-156.

Kajian Krumrei, Elizabeth J, Annette Mahoney, dan Kenneth I. Pargament,<sup>15</sup> Kieran T. Sullivan,<sup>16</sup> menunjukkan bahawa elemen keagamaan juga memberi kesan kepada kestabilan dan kebahagiaan perkahwinan. Kajian telah menunjukkan pasangan yang komited dengan agama akan lebih cenderung untuk mempunyai komitmen yang tinggi dalam perkahwinan dan konservatif terhadap perceraian. Hasil kajian juga mendapati seseorang yang mempunyai kepercayaan agama yang kuat kurang cenderung untuk melihat perceraian sebagai satu pilihan yang baik dalam menyelesaikan masalah rumah tangga.

Antara asas utama yang digariskan dalam al-Quran dan al-Sunnah bagi mewujudkan institusi keluarga yang kukuh ialah iman dan taqwa. Kedua-dua aspek ini dijelaskan al-Quran melalui kisah Luqman al-Hakim dalam pembentukan keluarganya yang meletakkan aqidah sebagai aspek utama dan seterusnya diikuti dengan pelaksanaan ibadat solat.<sup>17</sup> Demikian juga Hadis Rasulullah s.a.w yang bermaksud, “Wanita itu dinikahi kerana empat perkara, kerana hartanya, kerana keturunannya, kerana kecantikannya dan kerana agamanya, maka pilihlah kerana agamanya, nescaya kamu akan beruntung”.<sup>18</sup> Al-Nawawi menyatakan bahawa hadis ini menjelaskan tentang bahawa kebiasaan seseorang apabila ingin memilih wanita untuk dinikahi, terdapat empat perkara yang menjadi ukuran pemilihan. Rasulullah SAW menegaskan supaya dilihat pada agamanya kerana ianya akan menguntungkan seseorang di dunia dan akhirat.<sup>19</sup>

Norliza<sup>20</sup> mendapati mereka yang mempunyai ilmu agama yang mendalam dan mengamalkan penghayatan Islam dalam kehidupan sehari-hari dapat memahami konsep atau tujuan sesebuah perkahwinan dengan baik. Sekali gus

<sup>15</sup> Krumrei, Elizabeth J., A. Mahoney & K. Pargament, ‘Spiritual Stress and Coping Model of Divorce: A Longitudinal Study,’ *Journal of Family Psychology: JFP: Journal of the Division of Family Psychology of the American Psychological Association*, vol. 25/6 (2011): 973-985.

<sup>16</sup> Sullivan, K. T., ‘Understanding the Relationship between Religiosity and Marriage: An Investigation of the Immediate and Longitudinal Effects of Religiosity on Newlywed Couples,’ *Journal of Family Psychology: JFP: Journal of the Division of Family Psychology of the American Psychological Association*, vol. 15/4 (2001): 610-626.

<sup>17</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘il bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, vol. 6 (Riyād: Dār al-Taybah, 1999), 336-338.

<sup>18</sup> Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā‘il, *Sahīh al-Bukhārī*, no. 4. 700, 3.746 (Qāhirah: Maktabah al-Salāfiyah, 1980), 5090.

<sup>19</sup> <https://dorar.net/hadith/sharh/151172>, dicapai pada 22 Ogos 2021.

<sup>20</sup> Norliza Ghazali, ‘Objektif Perkahwinan: Satu Kajian Khusus Terhadap Kefahaman dan Penghayatan Masyarakat Islam di Kuala Lumpur,’ (Disertasi Sarjana, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 1998), 253.

membawa kepada keharmonian rumah tangga dan pembentukan generasi yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT.

Sementara Riggio, H. R., & Weiser, D. A.<sup>21</sup> pula menyatakan bahawa memiliki sikap yang positif dalam perkahwinan adalah suatu elemen penting yang meyumbang kepada hubungan perkahwinan bahagia. Menurutnya individu yang mempunyai sikap yang positif terhadap perkahwinan dipercayai akan memberi komitmen jangka panjang dalam perkahwinan dan komited dalam hubungan perkahwinan.

Kajian Ledermann, Thomas, Guy Bodenmann, Myriam Rudaz, dan Thomas N. Bradbury<sup>22</sup> pula menunjukkan keperluan penyelesaian konflik dalam perkahwinan. Menurutnya kebolehan individu untuk berkompromi seperti dapat bersetuju dalam menyelesaikan pertikaian antara keupayaan penting yang utama untuk membina perkahwinan yang stabil dan keluarga yang bahagia.

Walau bagaimanapun, kebanyakan penyelidik mendapati bahawa graf kebahagiaan dalam sesebuah perkahwinan dan keluarga bersifat tidak tetap dan ada turun-naiknya. Graf kebahagiaan menunjukkan penurunan pada peringkat awal perkahwinan, kerana meningkatnya konflik dan masalah interaksi pada ketika itu.<sup>23</sup> Namun demikian, ia didapati agak stabil apabila tahap konflik menurun. Ini biasanya berlaku apabila anak-anak telah dewasa dan mula tinggal berasingan.<sup>24</sup>

Dalam hal ini Polomeno, Viola, berpendapat faktor ini ada kaitan dengan keupayaan individu mengurus emosi dan tingkahlaku. Menurutnya apabila semakin lama pasangan berkahwin mereka dipercayai telah belajar sesuatu dalam perkahwinan dan akan lebih berupaya untuk mengurus emosi mereka pada keseluruhannya berbanding mereka yang masih baru berkahwin.<sup>25</sup> Oleh

<sup>21</sup> Riggio, H. R. & Weiser, D. A., ‘Attitudes toward Marriage: Embeddedness and Outcomes in Personal Relationships,’ *Personal Relationships*, vol. 15/1 (2008): 123-140.

<sup>22</sup> Ledermann, T., Bodenmann, G., Rudaz, M. & Bradbury, T.N., ‘Stress, Communication, and Marital Quality in Couples,’ *Family Relations*, vol. 59/2 (2010): 195-206.

<sup>23</sup> Polomeno, Viola, ‘Marriage, Parenthood, and Divorce: Understanding the Past as We Move into the Future,’ 13-19.

<sup>24</sup> Markman, H.J., Rhoades, G.K., Stanley, S.M., Ragan, E.P., & Whitton, S.W., ‘The Premarital Communication Roots of Marital Distress and Divorce: The First Five Years of Marriage,’ *Journal of Family Psychology*, vol. 24/3 (2010): 289-298.

<sup>25</sup> Polomeno, Viola, ‘Marriage, Parenthood, and Divorce: Understanding the Past as We Move into the Future,’ 13-19.

yang demikian, mereka yang telah lama berkahwin dilihat mengalami corak kebahagian yang agak stabil, kurang kesusahan dan mengalami lebih kepuasan serta persefahaman dalam perkahwinan. Pasangan yang semakin lama tempoh perkahwinannya juga dikatakan hanya mengalami konflik dalam kuantiti yang kecil dan banyak melibatkan diri dalam rundingan, kurang negatif, serta sering mengelak diri daripada berkonflik, selain mempunyai keyakinan diri yang lebih berbanding pasangan yang masih baru dalam tempoh perkahwinan.<sup>26</sup>

Secara keseluruhannya rata-rata penyelidik berpendapat bahawa untuk membina keluarga yang utuh dan perkahwinan yang bahagia ianya sangat bergantung kepada kualiti hubungan, dapat memperkenan komitmen, kesedian berkompromi, penghargaan dan kasih sayang, komunikasi positif, melaungkan masa bersama-sama, kesejahteraan rohani, dan tiada ciri-ciri penganiayaan dan keganasan. Selain itu kebahagian dalam sesebuah perkahwinan juga bergantung kepada keupayaan untuk menghadapi tekanan dan krisis, cabaran kewangan dan sosial dan kelahiran anak dalam perkahwinan.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini jelas bahawa terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada kebahagiaan keluarga, dan ia secara pasti menunjukkan bahawa faktor-faktor berkenaan adalah pelbagai, kerana kebahagiaan adalah suatu yang subjektif dan ia bergantung kepada individu tersebut. Walau bagaimana pun apakah faktor yang sama juga mempengaruhi pembentukan keluarga yang bahagia dan berjaya atau terdapat faktor yang lebih spesifik yang mempengaruhi pembentukan keluarga ini sehingga mereka menerima pengiktirafan dari pihak kerajaan melalui anugerah keluarga mithali. Artikel ini mengenal pasti faktor kebahagiaan keluarga dengan meneliti sudut pandang mereka yang berjaya membentuk keluarga yang dipercayai bahagia, sehingga mereka dianugerahi keluarga mawaddah dan keluarga misali.

## KONSEP KEBAHAGIAAN KELUARGA

Khavari and Khavari<sup>27</sup> menjelaskan keluarga yang berjaya bukan terletak pada kekayaan harta benda tetapi lebih kepada kekayaan hati, jiwa dan minda. Dengan adanya kekayaan hati, jiwa dan minda, keluarga tersebut akan menjadi lebih kukuh, sayang menyayangi, akrab, sentiasa mendorong

<sup>26</sup> Lavner, J. A. & Bradbury, T. N., ‘Why do even satisfied newlyweds eventually go on to divorce?’ *Journal of Family Psychology*, vol. 26/1 (2010): 1-10.

<sup>27</sup> Khavari, K.A. & Khavari S.W., *Creating Successful Family* (London: One World Publication Ltd., 1989).

untuk mencapai kejayaan antara satu sama lain, gembira melihat ahli keluarga yang lain berjaya, lebih produktif, yakin, gembira dan sering menjadi sumber kebahagiaan kepada ahli keluarga yang lain.

Menurut Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), “kesejahteraan keluarga” merujuk kepada keadaan keluarga di suatu negara yang berada pada tahap yang selamat, sihat, damai, selesa, harmoni dan memuaskan.<sup>28</sup> Di dalam Islam, al-Quran menjelaskan, kebahagiaan dan kecelakaan diri boleh dicirikan dengan perbezaan tertentu. Dalam Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

فَإِمَّا الَّذِينَ شَقُوا فِي الْأَنَارِ لَهُمْ فِيهَا زَفِيرٌ وَسَهْقٌ ١٠٦  
 خَلَدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ إِنَّ رَبَّكَ فَعَالٌ لِمَا يُرِيدُ ١٠٧  
 وَإِمَّا الَّذِينَ سُعدُوا فِي الْجَنَّةِ خَلَدِينَ فِيهَا مَا دَامَتِ السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ إِلَّا مَا شَاءَ رَبُّكَ عَطَاءٌ عَيْنٌ مَجْدُوذٌ ١٠٨

*“Adapun orang-orang yang celaka (disebabkan keingkaran dan maksiatnya), maka di dalam nerakalah tempatnya. Bagi mereka di situ, hanyalah suara memekik-mekik dan mendayu-dayu (seperti suara keldai). (106) Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu. Sesungguhnya Tuhanmu, Maha Kuasa melakukan apa yang dikehendakiNya. (107) Adapun orang-orang yang berbahagia (disebabkan imannya dan taatnya), maka di dalam Syurgalah tempatnya. Mereka kekal di dalamnya selagi ada langit dan bumi kecuali apa yang dikehendaki oleh Tuhanmu sebagai pemberian nikmat yang tidak putus-putus. (108)”*

(Surah Hûd, 11: 106-108)

Melalui ayat tersebut Allah SWT menjelaskan bahawa orang-orang yang gembira atau bahagia kerana keimanan dan ketaatannya kepada Allah SWT, akan mendapat balasan syurga berbanding dengan orang-orang yang berdosa, mereka akan disekska dan merasa sengsara dan diancam dengan balasan

<sup>28</sup> Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), ‘Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011, Bahagian Kependudukan,’ <http://www.lppkn.gov.my/index.php/2014-04-23-06-10-37/indekskesejahteraankeluarga/29-laporan-kajian-indeks-kesejahteraan-keluargamalaysia-2011/file.html>, dicapai pada 20 Mei 2017.

neraka. Melalui ayat tersebut juga dapat difahami gambaran yang jelas tentang perbezaan ciri-ciri antara kebahagiaan dan kecelakaan diri.<sup>29</sup>

Di dalam Islam penilaian terhadap kebahagiaan dibuat berdasarkan orientasi masa hadapan kerana kehidupan tidak akan berakhir di dunia sahaja, kerana akan ada kehidupan dan pembalasan di akhirat. Kebahagian di dunia tidak boleh diletak sebagai matlamat mutlak dalam kehidupan individu.<sup>30</sup> Kemuncak kebahagian sebenar adalah kebahagian abadi di akhirat yang akan berkekalan menjadi milik hamba selamanya.<sup>31</sup> Manakala kebahagian di dunia adalah kebahagian bersifat sementara, tidak berkekalan sebagaimana perumpamaan yang dijelaskan di dalam al-Quran:

وَاصْرِبْ لَهُمْ شَلَّ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا كَمَّا أَنْزَنَنَا مِنَ السَّمَاءِ فَلَا خُلَطَ بِهِ  
بَارِثُ الْأَرْضِ فَأَصْبَحَ هَشِيمًا نَذْرُوهُ الْيَتَمُّ وَكَانَ اللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ مُقْدِرًا

٤٥

“Dan kemukakanlah kepada mereka misal perbandingan: kehidupan dunia ini samalah seperti air yang Kami turunkan dari langit, lalu bercampur aduklah tanaman di bumi antara satu sama lain (dan kembang suburlah ia) disebabkan air itu; kemudian menjadilah ia kering hancur dititiup angin; dan (ingatlah) adalah Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.”

(Surah al-Kahfī, 18: 45)

Perkahwinan menurut Islam adalah satu ibadah. Oleh yang demikian, untuk mencapai kebahagiaan dalam perkahwinan ia semestinya mengikut prinsip dan ajaran dari Allah SWT. Ia merangkumi pelbagai dimensi, bermula dari pembinaan keluarga dan seterusnya menguruskan kelangsungan hidup berkeluarga.<sup>32</sup>

Wasilah terbaik untuk mencapai kebahagiaan hakiki menurut Al-Ghazali adalah melalui rohani dan minda yang terpelihara, iaitu rohani yang mengenal

<sup>29</sup> Mahmood Zuhdi Ab Majid, *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997), 1-10.

<sup>30</sup> Aḥmad al-Ma‘rūf Bashah Ibn ‘Abd al-Raḥīm al-Dihlawī, *Hujjah al-Balīghah* (Bayrūt: Dār al-Jayl, 2005), 102.

<sup>31</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Haqīqah al-Sa‘adah wa Ma‘naha fī al-Islām* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995), 19.

<sup>32</sup> Aḥmad al-Ma‘rūf Bashah Ibn ‘Abd al-Raḥīm al-Dihlawī, *Hujjah al-Balīghah*.

Allah SWT,<sup>33</sup> kerana kebahagiaan, nikmat kasih sayang, rahmah, adalah anugerah ciptaan Allah SWT kepada hambaNya. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

وَمِنْ أَيْتِهِ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ  
بَيْنَكُمْ مَوَدَّةً وَرَحْمَةً إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَنْقُولُونَ  
٦١

*“Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaannya dan rahmatNya, bahawa ia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri dari jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, dan dijadikannya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang-orang yang berfikir.”*

(Surah al-Rūm, 30: 21)

Prinsip umum untuk mencapai matlamat kehidupan berkeluarga yang baik dan perkahwinan yang bahagia adalah melalui elemen agama, iaitu melalui penyatuan iman dan amal soleh.<sup>34</sup> Iman dan amal soleh akan mendorong individu untuk melakukan kebaikan dan membawa perubahan sikap dan diri mereka ke jalan yang lurus di dunia dan akhirat.<sup>35</sup> Penyatuan iman dan amal soleh<sup>36</sup> akan melahirkan *al-sakinah* iaitu ketenangan dan ketenteraman, *al-mawaddah* iaitu cinta serta *al-rahmah* iaitu kasih sayang.<sup>37</sup> Konsep ini boleh difahami berdasarkan firman Allah SWT di dalam al-Quran:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرَ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ «فَلَنُحْيِيهِنَّهُ حَيَاةً  
طِّبِّيَّةً وَلَنُجَزِّيَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ  
٦٢

*“Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia*

<sup>33</sup> Abū Ḥamīd Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Khulūq al-Muslim* (Riyāḍ: Dār al-Bayān, 1970), 185.

<sup>34</sup> Nur Zahidah Hj Jaapar & Raihanah Hj Azahari, ‘Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,’ *Jurnal Fiqh*, vol. 8 (2011): 25-44.

<sup>35</sup> Nur Zahidah Hj Jaapar & Raihanah Hj Azahari, ‘Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,’ 25-44.

<sup>36</sup> Abū Ḥamīd Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Khulūq al-Muslim*, 185.

<sup>37</sup> Nur Zahidah Hj Jaapar & Raihanah Hj Azahari, ‘Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,’ 25-44.

dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya Kami akan membalas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan.”

(Surah al-Nahl, 16: 97)

Di dalam Islam, terdapat panduan yang ditunjukkan bagi mencapai kebahagiaan dalam perkahwinan antaranya disyariatkan *sulh* apabila berlaku *nusyuz*, sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Quran:

وَإِنْ أُمَّةٌ هُوَ خَافَتْ مِنْ بَعْلِهَا نُشُوْزًا أَوْ أَعْرَاضًا فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا أَنْ يُصْلِحَا بَيْنَهُمَا صُلْحًا وَالصُّلْحُ خَيْرٌ وَاحْسِرَتْ الْأَنْفُسُ أَلْشَحَّ وَإِنْ تُحْسِنُوا وَتَتَقْوُا فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ حَبِيرًا ١٦٨

“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya ‘nusyuz’ (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha mendalam pengetahuanNya akan apa yang kamu lakukan.”

(Surah al-Nisā’, 4: 128)

Aseel Al-Ramahi<sup>38</sup> dan Raihanah Azahari<sup>39</sup> turut berpendapat bahawa mekanisme *sulh* telah disyariatkan supaya perkahwinan dapat berlangsung aman dan bahagia. Tuntutan ini memerlukan individu untuk berkompromi, bersetuju dan berdamai dalam menyelesaikan permasalahan rumah tangga.<sup>40</sup> Selain itu, antara ciri penting untuk mencapai kebahagian dalam perkahwinan adalah tidak menggunakan kekerasan, paksaan dan menyakiti pasangan sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Quran:

يَتَأْيَهَا الَّذِينَ إِمَّا تَرَبُّوُا لَكُمْ أَنْ تَرِبُّوُا النِّسَاءَ كَرَهًا وَلَا تَعْضُلُوهُنَّ  
لِتَدْهَبُوْ بِعَضٍ مَا إِمَّا تَأْتِيُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِعَدْسَةٍ مُّبِينَ

<sup>38</sup> Aseel Al-Ramahi, ‘Sulh: A Crucial Part of Islamic Arbitration,’ *Research Paper Series At New York Law School*, vol. 12 (2008): 1-23.

<sup>39</sup> Raihanah Azahari, *Sulh dalam Kes Kekeluargaan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008).

<sup>40</sup> Bradbury, Thomas N., ‘Assessing the Four Fundamental Domains of Marriage,’ 459-468.

وَعَاشُرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ فَإِنْ كَرِهُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرُهُوْا شَيْئًا  
 وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ حَيْرًا كَثِيرًا ١٩

*“Wahai orang-orang yang beriman, tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksaan, dan janganlah kamu menyakiti mereka (dengan menahan dan menyusahkan mereka) kerana kamu hendak mengambil balik sebahagian dari apa yang kamu telah berikan kepadanya, kecuali (apabila) mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan bergaulah kamu dengan mereka (isteri-isteri kamu itu) dengan cara yang baik. Kemudian jika kamu (merasai) benci kepada mereka (disebabkan tingkah-lakunya, janganlah kamu terburu-buru menceraikannya), kerana boleh jadi kamu bencikan sesuatu, sedang Allah hendak menjadikan pada apa yang kamu benci itu kebaikan yang banyak (untuk kamu).”*

(Surah al-Nisā’ , 4: 19)

Ibn Kathīr dalam mentafsirkan ayat ini juga turut menambah beberapa ciri penting untuk mencapai kebahagian dalam perkahwinan iaitu melalui perkataan yang baik, perbuatan yang mulia, persekitaran yang kondusif, pergaulan yang sopan dan komited dalam hubungan perkahwinan.<sup>41</sup> Secara umumnya, kebahagiaan adalah perasaan yang terbit dari hati sanubari seseorang dan bukannya sesuatu yang dipaksa atau disogok dari luar. Ia bukannya terletak pada kemewahan hidup,kekayaan, kuasa dan kedudukan serta apa sahaja yang berbentuk material, tetapi ia lebih bersifat maknawi. Walaupun kebahagiaan dapat dirasai, namun tidak dapat diukur dengan sesuatu alat.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif merupakan kajian mendalam atas sesuatu situasi dan individu. Data-data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual, penulisan diari, dan analisis dokumen. Kajian kualitatif adalah kajian yang menjawab soalan berkaitan kenapa dan bagaimana. Penyelidik akan terlibat secara langsung dalam kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini kaedah temu bual berstruktur secara mendalam digunakan untuk memahami pandangan subjek kajian tentang kehidupan, pengalaman atau situasi subjek kajian sebagaimana diucapkan

<sup>41</sup> Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, vol. 3 (Dimashq: Mu’assasah Qurṭubah al-Turāth, 2000), 401.

dalam bahasanya sendiri.<sup>42</sup> Dalam kajian ini, temu bual dijalankan untuk mengenal pasti kaedah mencapai perkahwinan yang bahagia serta dapat mengekalkan perkahwinan para informan. Secara lebih terperinci, kajian ini melihat perkembangan perkahwinan mereka, khususnya pada tahun-tahun awal perkahwinan, fasa-fasa awal keibubapaan dan seterusnya mencapai tahap pertengahan dan hari tua. Kajian ini juga menumpukan pengurusan mereka dalam menghadapi kesukaran dan halangan, serta bagaimana hubungan mereka terselamat daripada perpecahan dan pandangan serta nasihat mereka kepada generasi muda yang belum dan telah berkahwin.

Sampel kajian dipilih daripada tiga pasangan suami isteri dari kalangan mereka yang menerima (anugerah tokoh keluarga *Mithali* di bawah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan anugerah Tokoh Keluarga *Mawaddah* diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim).

Teknik temu bual ini dipercayai sangat berguna untuk mengumpul maklumat dan data penting daripada seseorang, malah dengan temu bual juga mungkin akan memberi maklumat yang tidak boleh diakses melalui kaedah observasi.<sup>43</sup> Rasional pemilihan ini dibuat adalah kerana panduan daripada mereka yang berjaya adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri dan sifat-sifat yang menyebabkan mereka berjaya menghadapi pelbagai kesukaran di mana semua pasangan akan mengalaminya dalam perkahwinan mereka. Berdasarkan pengalaman mereka ini mungkin terdapat “kebijaksanaan” mereka yang boleh diterjemahkan dalam beberapa cara untuk generasi semasa yang akan berkahwin dan telah berkahwin dalam membentuk hubungan yang komited dan berkekalan. Selain itu ia juga boleh dijadikan model pemantapan keluarga ditambah pula dengan contoh tauladan yang dianjurkan oleh Islam dengan harapan dapat membantu pasangan muda membina hubungan perkahwinan yang kukuh. Data dari temu bual yang telah direkod dan ditranskrip seterusnya dianalisis mengikut tema-tema tertentu.<sup>44</sup>

<sup>42</sup> Steven J. Taylor, Robert Bogdan, *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*, 2<sup>nd</sup> ed. (Toronto: John Wiley & Sons., 1984); Patton, M. Q., *Qualitative Evaluation and Research Methods*, 2<sup>nd</sup> ed. (Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc., 1990).

<sup>43</sup> Lorraine R. Gay, Geoffrey E. Mills, Peter W. Airasian, *Educational Research, Competencies for Analysis and Applications*, (Boston: Pearson Education, 2009), 370-373.

<sup>44</sup> Lorraine R. Gay, Geoffrey E. Mills, Peter W. Airasian, *Educational Research, Competencies for Analysis and Applications*, 370-373.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bil.	Umur Pasangan	Tempoh Perkahwinan	Jumlah Anak	Anugerah yang Diterima	
1.	Suami: 68 th. (s1) Isteri: 65 th. (i1)	43 tahun.	8 orang	Keluarga	Mawaddah (2012)
2.	Suami: 57 th. (s2) Isteri: 57 th. (i2)	31 tahun.	7 orang	Keluarga	Mithali (2005)
3.	Suami: 73 th. (s3) Isteri: 66 th. (i3)	49 tahun.	8 orang	Keluarga	Mithali (2007)

Berdasarkan temu bual tersebut, beberapa kategori dianggap sangat penting bagi perkahwinan yang berkekalan dan bahagia menurut pendapat dan persepsi informan telah dikenal pasti, antaranya ialah keagamaan, komitmen, komunikasi, kepuasan, keikhlasan dan rasa hormat, kelahiran anak-anak, sokongan kewangan, positif dalam perhubungan serta kepuasan dalam perkahwinan. Dapatkan temu bual dipersembahkan mengikut tema-tema tertentu berdasarkan analisis yang dibuat.

### 1. Keagamaan

Apabila individu mengukuhkan hubungan peribadi dengan Allah SWT sebagai keutamaan dalam kehidupan mereka, maka hubungan dengan perkara-perkara lainnya akan berjalan lancar. Berhubungan dengan Allah adalah melalui iman dan amal.<sup>45</sup> Amalan seperti solat, berdoa dan membaca al-Quran adalah antara ramuan demonstrasi keintiman hubungan dengan Allah SWT. Solat dan berdoa akan membantu menangani ketegangan yang mengganggu kehidupan. Begitu juga dengan membaca al-Quran, kerana padanya terdapat panduan untuk hidup, dan juga komponen yang diperlukan untuk berhubungan dengan Allah SWT.<sup>46</sup> Informan yang ditemu bual telah menerangkan bahawa dedikasi mereka dalam mengukuhkan hubungan peribadi dengan Allah SWT sebagai keutamaan dalam kehidupan mereka.

*Solat, berdoa dan membaca al-Quran, sokmo-sokmo* (Solat, berdoa dan ”membaca al-Quran adalah rutin harian) s1, i1, s2, i2,s3,i3

<sup>45</sup> Nur Zahidah Hj Jaapar & Raihanah Hj Azahari, ‘Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,’ 25-44.

<sup>46</sup> Abū Ḥamīd Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Khulūq al-Muslim*, 185.

*Jemaah sekali (sentiasa sembahyang berjamaah)" i1, s2, i2,s3,i3 "*

Penyertaan mereka dalam amalan dan aktiviti keagamaan untuk mengukuhkan hubungan peribadi dengan Allah SWT dipercayai mempunyai kesan ke atas pelbagai keputusan hidup mereka. Amalan tersebut telah membantu mengatasi ketegangan dalam kehidupan seperti perasaan marah, terluka, dan ketakutan serta membantu mengukuhkan perkahwinan mereka.

Satu kepercayaan yang tidak dapat disangkal, bahawa beramal dengan amalan keagamaan telah membantu menyumbang kepada rasa tanggungjawab dalam perkahwinan. Ia juga telah membantu mereka untuk kekal bersama dalam kehidupan berkeluarga. Penemuan ini menyokong kenyataan Nur Zahidah dan Raihanah,<sup>47</sup> Nur Dalilah dan Raihanah,<sup>48</sup> yang menjelaskan bahawa amalan keagamaan adalah sesuatu yang penting dalam hubungan perkahwinan yang baik.

## **2. Kompromi dan Komitmen**

Kompromi atau bertolak ansur memainkan peranan yang penting dalam kehidupan suami isteri yang bahagia.<sup>49</sup> Bertolak ansur dengan perbezaan pendapat menjadikan kehidupan lebih mudah bagi kedua-dua pasangan. Responden mengakui yang mereka mempunyai pandangan dan idea-idea serta keperluan yang berbeza-beza dalam interaksi sehari-hari. Walaupun pasangan tidak bersetuju dalam beberapa perkara, berbeza minat dan tingkah laku tetapi mereka masih boleh berkompromi dalam mengatasi perbezaan pandangan mereka. Kesediaan untuk bertolak ansur serta berpuashati buat sementara waktu atas sesuatu isu sebagaimana digambarkan informan yang ditemui bual;

*"Nikah tak sokmo-sokmo."*

Pasangan Informan juga cenderung untuk mempunyai nilai-nilai yang sama dalam hubungan emosi dan fizikal, mereka boleh berkompromi dan

<sup>47</sup> Nur Zahidah Hj Jaapar & Raihanah Hj Azahari, 'Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,' 25-44.

<sup>48</sup> Nur Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari, 'Hubungan Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Rundingcara Keluarga (URK) Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI),' *Jurnal Syariah*, vol. 21/2 (2019): 145-164.

<sup>49</sup> Bradbury, Thomas N., 'Assessing the Four Fundamental Domains of Marriage,' 459-468.

menghormati perbezaan antara satu sama lain, boleh sentiasa berkomunikasi, berhujah dan mendengar antara satu sama lain. Ini seperti yang dinyatakan oleh responden 3 dan 2

*"Boleh pakat, boleh kecek, hok ni hok utama ambo rasa" s3  
(Boleh berkompromi, saling berbincang, pada pendapat saya ini adalah perkara utama)*

*Bagi ambo orang yang boleh kecek kira adalah orang yang bahagia ".s2 (Pada pendapat saya orang yang boleh berkompromi adalah orang yang bahagia)*

Pasangan juga merasakan bahawa berkongsi matlamat untuk sentiasa mencapai kebahagian adalah asas yang penting membantu mereka mengekalkan hubungan, perbezaan pendapat, kekurangan persefahaman tidak ditafsirkan sebagai merosakkan hubungan.

*(Balah tu biasalah" s1 (Berkonflik itu biasalah*

Pasangan informan juga sedar bahawa tanggungjawab untuk menghasilkan perkahwinan yang bahagia bergantung kepada diri mereka sendiri. Dalam melindungi perkahwinan daripada keadaan tidak menentu, mereka bersama-sama memainkan peranan memastikan perkahwinan mereka terus hidup dan berkembang kerana bagi mereka perkahwinan itu adalah pilihan yang paling mengembirakan sehingga ke akhir hayat

*"bahagia ko dok atah kito" i3,i2,i3, s2 (Bahagia atau tidak terletak pada diri kita)*

*"pah mati kita" s1. (sampai ke mati kita)*

*"Sapa pah bila kito ni" (sehingga ke akhir hayat) i3,i2,i3, s2.*

Pasangan juga cenderung mempunyai sikap yang sama tentang perkahwinan, bersetuju tentang kesucian ikatan perkahwinan dan mempunyai komitmen yang tinggi untuk setia bersama pasangan. Sepanjang temu bual, pasangan informan berulang kali menyatakan komitmen dan kompromi sebagai suatu sumber dan sokongan yang menyebabkan perkahwinan terus bertahan. Seperti yang dijelaskan oleh Informan di bawah:

*"Nikah ni bukan main-main, kena sungguh-sungguh kena biar boleh bertolak ansur" s2. (Nikah ini bukan main-main,perlu serius, mesti boleh bertolak ansur)*

Dalam banyak keadaan kompromi dan komitmen juga telah disokong oleh agama dan kepercayaan mereka. Informan menyatakan

*“Nikah kena banyak sabar” s3.*

*“Nikah kena banyak tolak ansur” i3.*

Satu kepercayaan yang tidak dapat disangkal bahawa komitmen pasangan untuk memikul tanggungjawab, menghabiskan masa bersama-sama, memupuk serta memperkembangkan potensinya agar menjadi pasangan yang saling membahagiakan, sabar, persefahaman, pemaaf dan bertolak ansur dipercayai telah membantu pasangan untuk kekal menarik antara satu sama lain, selain menyumbang kepada rasa keintiman dan kepuasan dalam perkahwinan. Penemuan ini telah menyokong pendapat al-Ramahi, Aseel<sup>50</sup> dan Ilene Walcott<sup>51</sup> yang menunjukkan komitmen dan kebolehan berkompromi adalah suatu yang penting dalam hubungan perkahwinan dan pergaulan sehari-hari.

### 3. Kepuasan Perkahwinan

Kepuasan perkahwinan juga merupakan antara salah satu faktor penting yang boleh menyumbang kepada perkahwinan yang bahagia.<sup>52</sup> Pasangan yang tidak berpuashati mungkin menghadapi kesan yang sangat serius seperti perceraian. Informan menyatakan:

*“Bahagia kena dua-dua (suami-isteri) s3. (Bahagia mesti melibatkan kedua-dua suami isteri)*

*“Jika sore, tak (tidak) puas hati, ore tak panggil bahagia” (bukan bahagia) s2. (Jika salah seorang tidak berpuashati ia bukan bahagia namanya)*

*“Ore tak puas hati, cemburu, jenis tak (tidak) bersyukur” i2. (orang yang tidak puashati, cemburu, jenis yang tak bersyukur)*

*“Ore (orang) puas hati tulah ore (orang) yang bahagia” (Orang yang berpuashati ialah orang yang bahagia (Merujuk tahap kepuasan seseorang) i3.*

<sup>50</sup> Aseel Al-Ramahi, ‘Sulh: A Crucial Part of Islamic Arbitration,’ 1-23.

<sup>51</sup> Wolcott, Ilene, ‘Strong Families and Satisfying Marriages: A Review of the Literature,’ 21-30.

<sup>52</sup> Wauterickx, Naomi & Gouwy, Anneleen & Bracke, Piet, ‘Parental Divorce and Depression,’ *Journal of Divorce & Remarriage*, vol. 45 (2006): 43-68.

Penemuan ini juga menyokong dapatan kajian Wolcott<sup>53</sup> yang menunjukkan kepuasan dalam perhubungan dan sokongan pasangan antara faktor penting menyumbang kepada kehidupan perkahwinan yang bahagia dan gembira.

#### 4. Bijak Menyelesaikan Konflik

Penyelesaian konflik juga adalah antara faktor penting bagi mewujudkan perkahwinan yang kukuh dan bahagia.<sup>54</sup> Kegagalan untuk menyelesaikan masalah utama yang timbul

*“Balah tu biasalah” (Konflik itu perkara biasa) s2.*

*“Balah tidak borak” (Berkonflik tidaklah berterusan sehingga serius) i3.*

Kajian yang dijalankan oleh Akter dan Begum<sup>55</sup> menunjukkan bahawa konflik dan masalah interaksi adalah perkara biasa berlaku pada peringkat awal perkahwinan, tetapi kemudiannya berkurangan selepas itu. Penemuan ini juga menunjukkan konflik juga boleh muncul pada tahap yang sama dalam perkahwinan yang utuh. Namun masalah tersebut tidak menyebabkan perceraian. Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa kewujudan konflik tidak semestinya buruk. Bagaimana individu mengurus konflik dan merangka penyelesaian kepada konflik mempunyai pengaruh kepada kualiti perhubungan. Peningkatan penglibatan dalam perbincangan secara tenang oleh suami isteri dapat meredakan konflik yang berlaku.<sup>56</sup> Dalam hal ini pasangan informan melaporkan bahawa dari masa ke masa mereka semakin matang dalam membendung konflik serta bersikap lebih terbuka dan ekspresif. Namun suami dan isteri berbeza dalam cara mereka menguruskan konflik. Lelaki biasanya lebih bersikap mengelak konflik berbanding wanita. Informan menjelaskan;

<sup>53</sup> Wolcott, Ilene, ‘Strong Families and Satisfying Marriages: A Review of the Literature,’ 21-30.

<sup>54</sup> Wolcott, Ilene, ‘Strong Families and Satisfying Marriages: A Review of the Literature,’ 21-30.

<sup>55</sup> Maksuda Akter & Roquia Begum, ‘Factors for Divorce of Women Undergoing Divorce in Bangladesh,’ *Journal of Divorce & Remarriage*, vol. 53/8 (2012): 639-651.

<sup>56</sup> Ahmad Hariri Mohd Saad & Raihanah Hj Azahari, ‘Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian: Analisis Literatur,’ *Jurnal Fiqh*, vol. 11 (2014): 175-194.

*“Kalu (Jika) balah (berkonflik) Saya (suami) tak ikut ere mana” lok dia sore (tidak ambil kisah, biarkan sahaja) s2. (Jika berkonflik saya (suami) tidak ambil kisah sangat, biarkan saja)*

*“Kalu balah (berkonflik) Saya (isteri) lebih suka bincang dan selesai selaluh (segera)” i2. (Jika berkonflik saya (isteri) lebih suka berbincang dan selesaikan masalah segera)*

Kajian ini telah menunjukkan bahawa membendung, mengurus dan merangka penyelesaian kepada konflik adalah suatu elemen penting bagi mewujudkan perkahwinan yang berkekalan dan bahagia. Penemuan ini juga menyokong kenyataan Wolcott,<sup>57</sup> yang mengatakan bahawa pasangan yang lebih cenderung melibatkan diri dalam rundingan, kurang berkonflik, kurang negative dan sering mengelak diri daripada berkonflik akan membantu perkahwinan mereka terselamat daripada perceraian.

## 5. Komunikasi Yang Baik

Hasniza Che Noh dan Fatimah Yussooff,<sup>58</sup> Harris, V. William, Linda Skogrand, dan Daniel Hatch<sup>59</sup> mendapati bahawa komunikasi menjadi kaedah utama dalam kalangan pasangan bahagia untuk meningkatkan persahabatan, kepercayaan, dan cinta mereka. Walaupun dalam tempoh konflik dan komunikasi yang berlangsung penuh dengan cabaran, tetapi ia akan memberi kesan kepada perkahwinan yang lebih baik;

*“Balah tu (berkonflik itu) biasalah, kena kecep kira (kena sentiasa berunding), royat (beritahu) apa yang salah dan apa yang betul, kena betul salah faham s5).*

Berdasarkan penemuan tersebut secara jelas menunjukkan bahawa wujudnya komunikasi yang berkesan adalah antara faktor yang menyumbang kepada perkahwinan dan keluarga yang kekal dan bahagia. Melalui proses komunikasi yang berkesan pasangan dapat menyatakan keinginan, harapan dan juga keperluan untuk dipenuhi<sup>60</sup>

<sup>57</sup> Wolcott, Ilene, ‘Strong Families and Satisfying Marriages: A Review of the Literature,’ 21-30.

<sup>58</sup> Hasniza Che Noh & Fatimah Yussooff, ‘Corak Komunikasi dalam Keluarga,’ 45-62.

<sup>59</sup> V. William Harris, Linda Skogrand & Daniel Hatch, ‘Role of Friendship, Trust, and Love in Strong Latino Marriages,’ 455-488.

<sup>60</sup> V. William Harris, Linda Skogrand & Daniel Hatch, ‘Role of Friendship, Trust, and Love in Strong Latino Marriages,’ 455-488.

## 6. Kehadiran Anak dalam Perkahwinan

Pada masa temu bual pasangan melaporkan, motif untuk mereka kekal dalam perkahwinan jelas berkisar tentang komitmen mereka kepada perkongsian perkahwinan dan kasih sayang untuk pasangan mereka, selain kehadiran anak-anak juga merupakan faktor penting bagi kebahagiaan keluarga. Pasangan informan menjelaskan:

*“Sayang sokmo (sentiasa) ko dia (merujuk kepada salah satu pasangan) lebih lebih lagi bila ada anak” s6. (sentiasa sayang kepada dia (isteri) lebih-lebih lagi bila ada anak)*

Informan juga melaporkan, dalam menghadapi masa sukar serta tekanan dalam hubungan perkahwinan, rasa tanggungjawab terhadap anak-anak adalah sebab utama perkahwinan mereka dapat bertahan sekian lama. Informan :menegaskan

*“Bila kita ada anak, kita kena selalu fikir (ambil berat) pasal anak-anak”, kita tak leh perangai seperti ore buje (kita tidak boleh berkelakuan seperti orang yang belum berkahwin) i3.*

Penemuan ini juga menyokong pendapat. Senik, Claudia, Holger Stichnoth, dan Cahit Guven<sup>61</sup> yang menyatakan kelahiran anak-anak di dalam perkahwinan mengurangkan risiko pembubaran perkahwinan. Kebimbangan akan kehilangan hubungan dengan anak-anak dan kesan terhadap kesejahteraan hidup anak-anak jika perceraian berlaku adalah salah satu halangan utama dari berlakunya perceraian. Kebimbangan tersebut juga telah menyumbang kepada sikap kedua-dua pihak untuk berusaha mengekalkan perkahwinan.

## 7. Status Ekonomi

Status sosio-ekonomi juga menyumbang terhadap kestabilan, kekuahan dan kebahagiaan sesebuah keluarga. Informan menjelaskan, bahawa adalah menjadi kewajipan ke atas suami untuk menyedia dan menguruskan semua perbelanjaan dalam keluarga. Mereka juga merasa beruntung jika kedua-dua pasangan memiliki kerjaya kerana ini akan menyumbang kepada peningkatan ekonomi keluarga. Informan yang ditemu bual berpendapat.

---

<sup>61</sup> Guven, Cahit, Senik, Claudia & Stichnoth, Holger, ‘You can’t be happier than your wife: Happiness Gaps and Divorce,’ 110-130.

*“Tanggung nafkah wajib atas tok laki (Menyediakan nafkah adalah kewajipan suami)” i1, i2, i3, s1,s2,s3.*

*“Zaman loni laki bini patut kena kija”, (Dalam kehidupan pada hari ini adalah patut dan sangat baik mempunyai pasangan yang berkerjaya )s1.*

*“Betuah kalu dua-dua kija (Sangat beruntung jika kedua-dua pasangan berkerjaya)” s3.*

Dalam konteks hari ini, wanita turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi keluarga. Peningkatan peluang pekerjaan kepada wanita membolehkan ramai kalangan isteri menjadi lebih berdikari dan kurang bergantung dari segi ekonomi kepada suami mereka. Hal ini menyebabkan wanita memikul dua cabaran iaitu sebagai pengurus rumah tangga dan wanita berkerjaya. Apabila ditanya bagaimana mereka mengatasi kedua-dua cabaran ini respondan yang ditemui bual berpandangan

*“Nikah dengan sapo-sapo pon kena pandai dan kena kecek kira, (berkahwin dengan sesiapa pun perlu pandai menyesuaikan diri dan perlu selalu berbincang dan berunding) i3.*

Kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa status sosio-ekonomi sangat penting kepada kestabilan dan kebahagiaan perkahwinan. Penemuan ini konsisten dengan penemuan kajian Fatima, Maria, dan M. Asir Ajmal<sup>62</sup> yang mendapati pasangan yang status sosio-ekonominya lebih tinggi mempunyai perkahwinan yang lebih stabil berbanding pasangan yang status sosio-ekonominya yang lebih rendah. Kedudukan ekonomi yang stabil juga mampu mengurangkan tekanan dalam perkahwinan terutama jika ia melibatkan perbelanjaan keperluan dalam keluarga.

## **8. Hormat Menghormati, Amanah, Persefahaman, Berkasih Sayang dan Tidak Menganiaya Pasangan**

Dalam tahun-tahun awal perkahwinan, perasaan hormat, amanah dan persefahaman yang diterima daripada pasangan adalah penting untuk kepuasan perkahwinan. Walau bagaimanapun, perasaan hormat, amanah, persefahaman dibina secara beransur-ansur dalam tahun-tahun awal perkahwinan. Pasangan mengakui bahawa kadangkala dalam tempoh perkahwinan, mereka berlaku tidak adil terhadap pasangan mereka

---

<sup>62</sup> Fatima, M. & Ajmal, M. A., ‘Happy Marriage: A Qualitative Study,’ 37-42.

*“Muda-muda dulu ada jugak agah cikit (Merujuk perasaan ego), dia (Merujuk salah sorang) ada sero hati jugak (tidak puashati)” i3 (Semasa mula berkahwin dahulu, ada juga perasaan ego, dia ada perasaan kecil hati juga)*

Apabila pasangan ditanya tentang ciri-ciri hubungan yang membantu mereka untuk kekal bersama, informan yang ditemui bual menegaskan bahawa perkahwinan mereka terselamat daripada konflik kerana tingkah laku pasangan yang tidak mengandungi elemen pengabaian, kekerasan, dan penyalahgunaan kuasa. Informan yang ditemui bual berkata:

*“Dia (tidak pernah) khenat (khianat/aniaya) saya (pada dirinya)”. i1, i2, i3 (Dia tidak pernah mengkhianati saya)*

Penemuan ini menyokong laporan Hawkins, A. J., Willoughby, B. J., & Doherty, W. J.<sup>63</sup> yang mendapati bahawa penaniayaan salah satu pihak terhadap pasangan akan membawa kegagalan perkahwinan, malah kebanyakkan perceraian juga berlaku adalah berpunca daripada penganiayaan dalam perkahwinan.

Selain ciri-ciri tersebut, terdapat beberapa ciri-ciri lain membantu mereka kekal bersama-sama. Ciri-ciri yang paling kerap disahkan oleh informan yang ditemui bual adalah:

*“Amanah, kasih sayang, s1, i1.*

*“Kecek kiro” (kesediaan untuk berkompromi) s1, i2.*

*“Kena hormat” (saling menghormati) s3, s2.*

*“Kita jaga dia, dia jaga kita” (saling menjaga antara satu sama lain), s2.*

*“Kecek molek (komunikasi yang baik)” s3, i3.*

Dan apabila diminta untuk menambah mana-mana ciri-ciri lain, jawapan yang paling sering informan nyatakan adalah:

*“Boleh bergurau” i 1, i2, i3, s2.*

<sup>63</sup> Hawkins, Alan & Willoughby, Brian & Doherty, William, ‘Reasons for Divorce and Openness to Marital Reconciliation,’ *Journal of Divorce & Remarriage*, vol. 53 (2012): 453-463.

Kasih sayang juga mempunyai kepentingan yang tidak boleh dinafikan dalam hubungan perkahwinan. Ini kerana apabila dua orang berkasih sayang antara satu sama lain, ia adalah mudah bagi mereka untuk berkompromi dengan kelemahan masing-masing dan saling memaafkan kesilapan dan mewujudkan persefahaman. Informan yang ditemu bual berkata:

*“Bila kita sayang ko orang kita tak leh khianat” gap-gapo pun kena dok skali). s2. (Apabila kita sayang seseorang kita tidak boleh mengkhianatinya, dan apa jua keadaan pun kena terus kekal bersama)*

*“Orang sayang ko orang tak khianat ko orang.” s1. (Orang yang saling menyayangi, tidak akan mengkhianati satu sama lain)*

*“Jika nikah atas dasar kasih sayang kena jaga antara satu sama lain dengan sepenuh hati, Kalu ada masaalah kena pakat cari puca dan pakat selesai. Pahtu (selebihnya) kalu salah kena maaf (saling memaaf).” s3(Jika ada masalah, sama-sama cari punca masalah dan selesaikan nya, kemudian jika salah kena saling memaaf)*

Penjagaan hubungan antara suami isteri atau sikap ambil berat antara satu sama lain adalah satu cara keprihatinan kepada pasangan dan ia merupakan bukti wujudnya perasaan kasih dan sayang antara keduanya. Informan melaporkan cara mereka berkhidmat kepada pasangan seperti:

*“Cede make minum, cede pakaian hok dia nak pakai), tahu gapo hok dia tok sir dan gapo hok dia nok (menyediakan makan dan minum, menyediakan pakaian mengikut pilihannya mengambil tahu apa yang tidak disukai dan yang disukai pasangan).” i2.*

Informan yang ditemu bual juga menegaskan bahawa mereka sering menunjukkan sikap mengambil berat, prihatin dan cinta kepada pasangan dengan beberapa isyarat yang ternyata mempunyai kesan yang sangat positif kepada hubungan perkahwinan seperti:

*“Talefon untuk check jika dia ada gapo-gapo” (hubungi pasangan di tempat kerja untuk mengetahui dia dalam keadaan baik atau tidak) i2*

*“Masak ggapo hok dia nak makan” (memasak makanan yang dia suka). i1.*

*“Teme (menemani) dia apabila sakit”. (Menemani dia apabila sakit) i3*

Penemuan ini konsisten dengan dapatan Stanley, Senik, Claudia, Holger Stichnoth, Cahit Guven<sup>64</sup> dan Fatima, Maria, dan M. Asir Ajmal<sup>65</sup> yang menyatakan bahawa cara-cara pergaulan yang menyumbang kepada perkahwinan yang bahagia mengandungi elemen kasih sayang, sifat bertimbang rasa, hormat menghormati, komitmen, perkongsian, penjagaan dan saling mempercayai antara satu sama lain.

Membina persefahaman dengan pasangan juga adalah sangat penting dalam hubungan perkahwinan. Informan yang ditemu bual berkata:

*“Bagi saya dia pehe kita molek, kita pehe dia molek, tulah asas nikah nak bahagia” (Saya rasa persefahaman yang baik adalah asas perkahwinan yang bahagia). s2.*

Penemuan ini juga konsisten dengan dapatan Ledermann, Thomas, Guy Bodenmann, Myriam Rudaz, dan Thomas N. Bradbury yang menunjukkan bahawa persefahaman di antara pasangan merupakan faktor kestabilan dalam perkahwinan mereka. Dengan memahami kekuatan, kelemahan, aspirasi, dan harapan akan menjadikan hubungan lebih mudah dan berjalan lancar untuk seseorang hidup bersama pasangan.<sup>66</sup>

Amanah adalah antara satu lagi elemen penting dalam perkahwinan bahagia. Informan yang ditemu bual berkata:

*“Amanah perkara mesti dalam bab nikah, kalu nak bahagia, kalu tak dok hok ni, nikah tak de lama” (Amanah adalah salah satu daripada asas-asas perkahwinan bahagia dan jika amanah tiada maka hubungan itu tidak akan bertahan lama). s1.*

Begitu juga dengan mempercayai kesetiaan pasangan membolehkan kedua-duanya berada dalam kehidupan yang aman. Informan yang ditemu bual berkata:

*“Kalu curang dosa, bukan lagu tu cara ore nikah, agama tak ajar” (Apabila kita curang bermakna kita berdosa dan kita melanggar peraturan perkahwinan dan agama). s3.*

<sup>64</sup> Guven, Cahit, Senik, Claudia & Stichnoth, Holger, ‘You can’t be happier than your wife: Happiness Gaps and Divorce,’ 110-130.

<sup>65</sup> Fatima, M. & Ajmal, M. A., ‘Happy Marriage: A Qualitative Study,’ 37-42.

<sup>66</sup> Ledermann, T., Bodenmann, G., Rudaz, M. & Bradbury, T.N., ‘Stress, Communication, and Marital Quality in Couples,’ 195-206.

*“Kalu tok laki tak caya bini, bini tak cayo ko tok laki, huru hara”  
(Jika suami atau isteri yang tidak mempercayai antara satu sama lain, boleh membuat kehidupan diri dan pasangannya huru hara/sengsara). s2.*

Penemuan ini juga konsisten dengan penyelidikan Harris, V William, Linda Skogrand, dan Daniel Hatch<sup>67</sup> yang mendapati antara faktor penyumbang kepada kebahagian dan kekuahan perkahwinan dan keluarga adalah wujudnya sifat amanah, sikap saling mempercayai antara satu sama lain.

## CIRI-CIRI ATAU PENDEKATAN LAIN KE ARAH PERKAHWINAN YANG BERKEKALAN

Menurut informan juga pasangan suami isteri sekarang lebih beruntung kerana telah diberi banyak pendedahan mengenai perkahwinan, terutamanya melalui kursus pra perkahwinan. Mereka (pasangan suami isteri sekarang) juga telah mendapat manfaat yang banyak kerana membesar dalam persekitaran di mana semua aspek hubungan perkahwinan telah dibincangkan secara terbuka berbanding pasangan suami isteri zaman dahulu. Walau bagaimanapun menurut informan, maklumat yang diberikan kepada pasangan muda hari ini didapati terdapat kekurangan, kerana terlalu memberi tumpuan kepada asas pembentukan perkahwinan dan pendidikan seks, berbanding persediaan untuk menjalin hubungan perkahwinan yang lebih efektif. Oleh itu, menurut informan pasangan muda masa kini didapati sukar untuk memberi komitmen kepada perkahwinan.

Apabila ditanya apakah nasihat kepada pasangan muda untuk menjadikan perkahwinan mereka berkekalan dan bahagia, semua Informan menekankan beberapa pendekatan utama.

Pertama: Sesuatu perkahwinan yang berjaya, dicirikan oleh hubungan yang penuh dengan kasih sayang, dan hormat-menghormati yang melampaui keinginan seksual.

Kedua: *“Kena kenal dulu lagi peel perangai sebelum nikah, lepas tu bila nikah kena sungguh-sungguh pakat jaga”* (Ambil masa untuk benar-benar tahu watak pasangan sebelum berkahwin dengan mereka, dan kemudian membuat komitmen yang serius untuk membina perkahwinan) s2.

---

<sup>67</sup> V. William Harris, Linda Skogrand & Daniel Hatch, ‘Role of Friendship, Trust, and Love in Strong Latino Marriages,’ 455-488.

Ketiga: Berkommunikasi secara jujur dan bijaksana, serta menunjukkan kesediaan untuk berkompromi, berunding dan berkerjasama.

Keempat: “*Bersama-sama melalui zaman tebal dan nipis*” (*Sentiasa bersama-sama dalam keadaan susah atau senang*) s1.

Kelima: Menghabiskan masa bersama-sama terutamanya bagi kedua-dua pasangan yang bekerja.

Keenam: Tidak mengandungi elemen pengabaian, kekejaman dan penyalahgunaan kuasa.

Ketujuh: Berkongsi tanggungjawab, dan sentiasa berusaha untuk meyempurnakan segala peruntukan isi rumah dan tugas keluarga.

Kelapan: Bertimbang rasa antara satu sama lain, selesa bersama dan bersama-sama mewujudkan persekitaran yang menyokong kesejahteraan hubungan perkahwinan dan pertumbuhan anak-anak.

Kesembilan: Bersabar dan sentiasa berpuas hati serta redha dengan ujian semasa, bersefahaman, peka, dan mempertimbangkan keperluan pasangan.

Kesepuluh: Ambil pengajaran daripada pengalaman lalu untuk mengelakkan membuat keputusan terburu-buru dalam menghadapi kesukaran pada masa kini dan akan datang.

## KESIMPULAN

Kajian ini dilakukan untuk melihat unsur-unsur yang diperlukan bagi perkahwinan yang bahagia. Secara keseluruhannya beberapa ciri-ciri penting untuk perkahwinan yang bahagia telah sama-sama dilapor oleh suami dan isteri yang ditemu bual. Antaranya persamaan dalam amalan keagamaan, kepuasan perkahwinan, bertolak ansur, cinta dan kasih sayang, kepercayaan, persefahaman, komunikasi dan tiadanya penganiayaan. Selain itu antara ciri utama yang lain bagi perkahwinan yang bahagia adalah berkaitan dengan komitmen, di mana kedua-dua pasangan berkongsi perasaan gembira serta percaya bahawa perkahwinan ialah sebuah institusi yang memerlukan komitmen jangka panjang.

## RUJUKAN

Abū Ḥamīd Muḥammad Ibn Muḥammad al-Ghazālī, *Khulūq al-Muslim* (Riyāḍ: Dār al-Bayān, 1970).

- Aḥmad al-Ma‘rūf Bashah Ibn ‘Abd al-Rahīm al-Dihlawī, *Hujjah al-Balīghah* (Bayrūt: Dār al-Jayl, 2005).
- Ahmad Hariri Mohd Saad & Raihanah Hj Azahari, ‘Pengukuhan Institusi Keluarga Melalui Kawalan Terhadap Perceraian: Analisis Literatur,’ *Jurnal Fiqh*, vol. 11 (2014): 175-194.
- Aseel Al-Ramahi, ‘Sulh: A Crucial Part of Islamic Arbitration,’ *Research Paper Series At New York Law School*, vol. 12 (2008): 1-23.
- Bradbury, Thomas N., ‘Assessing the Four Fundamental Domains of Marriage,’ *An Interdisciplinary Journal of Applied Family Studies*, vol. 44/4 (1995): 459-468.
- Al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā‘īl, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Qāhirah: Maktabah al-Salāfiyah, 1980).
- Fatima, M. & Ajmal, M. A., ‘Happy Marriage: A Qualitative Study,’ *Pakistan Journal of Social and Clinical Psychology*, vol. 9/2 (2012): 37-42.
- Guven, Cahit, Senik, Claudia & Stichnoth, Holger, ‘You can’t be happier than your wife: Happiness Gaps and Divorce,’ *Journal of Economic Behavior & Organization*, vol. 82/1 (2012): 110-130.
- Hasniza Che Noh & Fatimah Yussoff, ‘Corak Komunikasi dalam Keluarga,’ *Jurnal Hadhari*, vol. 3/2 (2011): 45-62.
- Hawkins, Alan & Willoughby, Brian & Doherty, William, ‘Reasons for Divorce and Openness to Marital Reconciliation,’ *Journal of Divorce & Remarriage*, vol. 53 (2012): 453-463.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, vol. 6 (Riyād: Dār al-Taybah, 1999).
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, vol. 3 (Dimashq: Mu’assasah Qurṭubah al-Turāth, 2000).
- Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa al-Nihāyah al-Muqtaṣid*, vol. 2 (Bayrūt: Dār al-Jayl, 1989).
- Ibn Taymiyah, *Aḥkām al-Zawāj* (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988).
- Khavari, K.A. & Khavari S.W., *Creating Successful Family* (London: One World Publication Ltd., 1989).
- Krumrei, Elizabeth J., A. Mahoney & K. Pargament, ‘Spiritual Stress and Coping Model of Divorce: A Longitudinal Study,’ *Journal of Family Psychology: JFP: Journal of the Division of Family Psychology of the American Psychological Association*, vol. 25/6 (2011): 973-985.
- Lavner, J. A. & Bradbury, T. N., ‘Why do even satisfied newlyweds eventually go on to divorce?’ *Journal of Family Psychology*, vol. 26/1 (2010): 1-10.

- Ledermann, T., Bodenmann, G., Rudaz, M. & Bradbury, T.N., ‘Stress, Communication, and Marital Quality in Couples,’ *Family Relations*, vol. 59/2 (2010): 195-206.
- Lorraine R. Gay, Geoffrey E. Mills, Peter W. Airasian, *Educational Research, Competencies for Analysis and Applications* (Boston: Pearson Education, 2009).
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), ‘Laporan Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2011, Bahagian Kependudukan,’ <http://www.lppkn.gov.my/index.php/2014-04-23-06-10-37/indekskesejahteraan-keluarga/29-laporan-kajian-indeks-kesejahteraan-keluargamalaysia-2011/file.html>, dicapai pada 20 Mei 2017.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid, *Pengantar Undang-Undang Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997).
- Maksuda Akter & Roquia Begum, ‘Factors for Divorce of Women Undergoing Divorce in Bangladesh,’ *Journal of Divorce & Remarriage*, vol. 53/8 (2012): 639-651.
- Mariam Majid & Mohammad Syafirul, ‘Perceraian Rumah Tangga di Negeri Selangor Darul Ehsan dan Pendekatan Menanganinya,’ *Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, vol. 4/2 (2017), 285-303.
- Markman, H.J., Rhoades, G.K., Stanley, S.M., Ragan, E.P., & Whitton, S.W., ‘The Premarital Communication Roots of Marital Distress and Divorce: The First Five Years of Marriage,’ *Journal of Family Psychology*, vol. 24/3 (2010): 289-298.
- Nur Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari, ‘Hubungan Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Rundingcara Keluarga (URK) Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI),’ *Jurnal Syariah*, vol. 21/2 (2019): 145-164.
- Nur Zahidah Hj Jaapar & Raihanah Hj Azahari, ‘Model Keluarga Bahagia Menurut Islam,’ *Jurnal Fiqh*, vol. 8 (2011): 25-44.
- Patton, M. Q., *Qualitative Evaluation and Research Methods*, 2nd ed. (Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc., 1990).
- Polomeno, Viola, ‘Marriage, Parenthood, and Divorce: Understanding the Past as We Move into the Future,’ *International Journal of Childbirth Education*, vol. 22/3 (2007): 13-19.
- Raihanah Azahari, *Sulh dalam Kes Kekeluargaan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2008).

- Riggio, H. R. & Weiser, D. A., ‘Attitudes toward Marriage: Embeddedness and Outcomes in Personal Relationships,’ *Personal Relationships*, vol. 15/1 (2008): 123-140.
- Siti Halimah Putung & Raihanah Azahari, ‘Kepemimpinan Suami dalam Perspektif Islam: Fungsi dalam Memperkuat Institusi Keluarga,’ *Jurnal Syariah*, vol. 28/2 (2020): 127-156.
- Siti Marziah Zakaria, *Raihlah Bahagia* (Selangor: Dasar Cetak (M) Sdn Bhd, 2011).
- Steven J. Taylor, Robert Bogdan, *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*, 2nd ed. (Toronto: John Wiley & Sons., 1984).
- Sullivan, K. T., ‘Understanding the Relationship between Religiosity and Marriage: An Investigation of the Immediate and Longitudinal Effects of Religiosity on Newlywed Couples,’ *Journal of Family Psychology: JFP: Journal of the Division of Family Psychology of the American Psychological Association*, vol. 15/4 (2001): 610-626.
- Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Haqīqah al-Sa‘adah wa Ma‘naha fī al-Islām* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization, 1995).
- V. William Harris, Linda Skogrand & Daniel Hatch, ‘Role of Friendship, Trust, and Love in Strong Latino Marriages,’ *Marriage & Family Review*, vol. 44/4 (2008): 455-488.
- Wauterickx, Naomi & Gouwy, Anneleen & Bracke, Piet, ‘Parental Divorce and Depression,’ *Journal of Divorce & Remarriage*, vol. 45 (2006): 43-68.
- Wolcott, Ilene, ‘Strong Families and Satisfying Marriages: A Review of the Literature,’ *Family Matters*, vol. 53, Winter (1999): 21-30.